

Isu CCCC ditamatkan kontrak pembinaan ECRL

Saya tidak tahu - PM

Ulm- 25/11/2019
mls: 6

Oleh **HAKIMI ISMAIL** dan
JUANI MUNIR ABU BAKAR

pengarang@utusan.com.my

■ **PUTRAJAYA 24 JAN.**

TUN Dr. Mahathir Mohamad memaklumkan beliau tidak tahu sama ada kontrak kontraktor utama projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) iaitu China Communications Construction Co. Ltd. (CCCC) sudah ditamatkan atau tidak.

Perdana Menteri berkata, beliau baharu sahaja pulang dari lawatan kerja di luar negara dan tidak tahu menahu mengenai dakwaan penamatan kontrak kepada CCCC untuk projek ECRL.

“Saya tidak tahu dah tamat atau tidak, tapi satu cara kita menangani masalah ini ialah dengan menamatkan kontrak tapi bila kita tamatkan kontrak

kita kena bayar pampasan banyak bilion juga.

“Kita akan bincangkan perkara ini,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam) di sini hari ini.

Baru-baru ini, media melaporkan Malaysia ketika ini dikatakan dalam fasa mencari kontraktor baharu bagi menarajui projek ECRL selepas menamatkan penganugerahan kontrak kepada CCCC.

Berdasarkan maklumat sumber, kerajaan merangka usaha supaya kos pembinaan projek rel mega bagi manfaat penduduk Pantai Timur itu dikurangkan kepada separuh berbanding nilai awal, iaitu daripada RM81 bilion kepada hanya RM40 bilion.

CCCC menerusi kenyataan akhbarinya pada 4 Julai lalu menjelaskan semua kerja mem-

“Saya tidak tahu dah tamat atau tidak, tapi satu cara kita menangani masalah ini ialah dengan menamatkan kontrak tapi bila kita tamatkan kontrak kita kena bayar pampasan banyak bilion juga.

**DR. MAHATHIR
MOHAMAD**

babitkan ECRL dengan jajaran sepanjang 688.3 kilometer (km) digantung berkuat kuasa serta-merta.

Firma berpangkalan di China selaku kontraktor utama projek mega itu mengesahkan menerima notis untuk menggantung semua kerja projek ECRL daripada pemilik syarikat berkenaan, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL).

Arahan penggantungan dikeluarkan MRL itu susulan kenyataan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, bahawa kos sebenar projek ECRL menjangkau RM81 bilion, berbanding RM66 bilion seperti dilaporkan sebelum ini, sekali gus perlu dikurangkan secara ketara supaya berdaya maju dari segi kewangan.

Dr. Mahathir, pada 22 Oktober lalu, dilaporkan berkata, keputusan kerajaan membatalkan beberapa projek mega adalah disebabkan kekangan kewangan serta dapat menjimatkan kos menjangkau RM300 bilion.